



TEKUN
...pelajar
UMP
membersih
kawasan
perkuburan
Islam
Kampung
Jaya Gading,
Kuantan.

400 pelajar UMP sertai khidmat komuniti

KUANTAN: Seramai 400 pelajar tahun satu Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, menyertai program Khidmat Komuniti Rakan Siswa (RAKSI) 2008 di tiga kampung, di sini, kelmarin.

Tiga kampung itu ialah Kampung Jaya Gading, Pandan Dua dan Perumahan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) Jaya Gading yang turut disertai anggota Balai Bomba dan Penyelamat Taman Tas dan penduduk setempat. Majlis perasmian program

itu dilakukan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan/Inovasi) UMP, Prof Dr Rosli Mohd Yunus yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan (Adun) Panching, Mohd Zaili Besar.

Pengerusi program, Arman A Rahim berkata, program itu bertujuan mendidik pelajar supaya memiliki personaliti cemerlang dan memberi pendedahan serta peluang mendekatkan diri dengan masyarakat terutama yang tinggal di kampung. Menurutnya, sokongan

padu penduduk setempat termasuk anggota bomba dan penyelamat melancarkan lagi setiap aktiviti dijalankan.

"Pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan dan mengadakan aktiviti mencuci dan membersihkan di kawasan tanah Perkuburan Islam, surau, masjid dan dewan orang ramai.

"Kerjasama antara pelajar dan penduduk setempat melancarkan setiap aktiviti diadakan secara bergotong-royong," katanya.